# PENYELESAIAN MASALAH

## 1 Kegagalan Kemungkinan

Sesetengah masalah tertentu adalah berpunca daripada kurang penyelenggaraan yang mudah atau kesilapan yang boleh diselesaikan dengan mudah tanpa menghubungi jurutera. Sebelum menghubungi Pusat Servis tempatan anda, sila jalankan pemeriksaan yang disenaraikan di bawah.

Setelah masalah tersebut diselesaikan, tekan butang “START/PAUSE” untuk memulakan semula program. Jika masalah masih berlarutan setelah semua sudah diperiksa, hubungi Pusat Servis tempatan anda.

⚠ **AWAS!** Nyahaktifkan perkakas sebelum anda melakukan cek.

**Kod Penggera:**

| | |
|---|---|
| E10 | Mesin tidak mengisi air. |
| E20 | Mesin tidak menyalir air. |
| E40 | Pintu tidak ditutup atau pintu tidak ditutup dengan betul. Sila semak pintu! |
| EH0 | Bekalan kuasa utama tidak stabil. Tunggu sehingga bekalan kuasa utama stabil kembali dan mesin akan bermula operasi secara automatik. |
| E91 | Tiada komunikasi antara unsur-unsur elektronik perkakas. Matikan dan hidupkan semula. |

| Malfungsi | Kemungkinan punca => Penyelesaian |
|---|---|
| **Mesin basuh tidak boleh dimulakan:** | • Pintu tidak ditutup. (Kod ralat: E40) => Tutup pintu dengan rapi. |
| | • Plag tidak dimasukkan dengan betul ke dalam soket kuasa. => Masukkan plag ke dalam soket kuasa. |
| | • Tiada bekalan kuasa di soket. => Sila periksa pemasangan elektrik domestik anda. |
| | • Butang Start/Pause tidak ditekan. => Tekan butang Start/Pause. |
| | • Delay Start (◷) telah dipilih. => Jika pakaian mahu dicuci segera, batalkan “Delay End”. |
| | • Bekalan kuasa utama tidak stabil. (Jika kod EH0 dipaparkan) => Tunggu sehingga bekalan kuasa utama stabil kembali dan mesin akan bermula operasi secara automatik. |
| **Mesin tidak mengisi air:** | • Pili air tertutup. (Kod ralat: E10) => Buka pili air. |
| | • Hos air masuk tertindih atau terpiuh. (Kod ralat: E10) => Periksa sambungan hos air masuk. |
| | • Penuras dalam hos air masuk tersumbat. (Kod ralat: E10) => Bersihkan penuras hos air masuk. |
| | • Pintu tidak ditutup dengan betul. (Kod ralat: E40) => Tutup pintu dengan rapi |
| **Mesin mengisi kemudian terus menyalirkan:** | • Hujung hos saliran terlalu rendah. (Kod ralat: E10) => Sila rujuk perenggan berkenaan di bahagian “Penyaliran Air”. |

| Malfungsi | Kemungkinan punca => Penyelesaian |
|---|---|
| **Mesin tidak menyalirkan air dan/atau tidak memutar:** | • Hos saliran tertindih atau terpiuh. (Kod ralat: E20 ) => Periksa sambungan hos penyaliran. |
| | • Pam saliran tersumbat. (Kod ralat: E20 ) => Bersihkan penuras saliran. |
| | • Opsyen “Extra Silent” atau “Rinse Hold” telah dipilih. => Tekan Mula/Jeda untuk mengalirkan air. atau Pilih program putaran (Spin). |
| | • Pakaian tidak diagihkan sama rata di dalam dram. => Jeda mesin dan agihkan semula pakaian secara manual. |
| **Terdapat air di atas lantai:** | • Terlalu banyak detergen atau detergen tidak sesuai digunakan (mengeluarkan terlalu banyak buih). => Kurangkan kuantiti detergen atau gunakan yang lain. (Lihat halaman 53) |
| | • Periksa sama ada terdapat kebocoran dari salah satu pemasangan hos air masuk. Kebocoran itu kadang tala sukar dilihat kerana air mengalir hos; periksa sama ada hos itu lembap. => Periksa sambungan hos air masuk. |
| | • Hos saliran rosak. => Hubungi pusat perkhidmatan kami. |
| **Hasil cucian yang tidak memuaskan:** | • Detergen tidak mencukupi atau tidak sesuai untuk digunakan. => Tingkatkan kuantiti detergen atau gunakan yang lain. (Lihat halaman 53) |
| | • Tanda kotoran degil tidak dibersihkan terlebih dahulu sebelum membasuh. => Gunakan produk komersil untuk merawat kesan kotoran yang degil. |
| | • Suhu yang betul tidak dipilih. => Periksa sama ada anda telah memilih suhu yang betul. |
| | • Muatan pakaian berlebihan. => Kurangkan muatan. |
| **Pintu tidak dapat dibuka:** | • Program masih berjalan. => Tunggu sehingga putaran basuhan terakhir. |
| | • Terdapat air di dalam dram. => Anda hendaklah menyalirkan air untuk membuka pintu (rujuk “Membuka Pintu” pada muka surat 50). |
| | • Masalah ini mungkin disebabkan oleh kegagalan fungsi mesin basuh. => Sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami. Jika anda perlu buka pintu mesin, sila baca perenggan “Membuka Pintu Mesin Semasa Kecemasan” pada halaman yang seterusnya. |
| **Mesin bergegar atau bunyinya bising:** | • Bolt pengangkutan dan pembungkusan belum dikeluarkan. => Periksa supaya pemasangan perkakas dibuat dengan betul. |
| | • Kaki penyokong belum dilaraskan lagi. => Periksa supaya pengarasan perkakas dibuat dengan betul. |
| | • Pakaian tidak diagihkan sama rata di dalam dram. => Jeda mesin dan agihkan semula pakaian secara manual. |
| | • Jumlah pakaian di dalam dram terlalu sedikit. => Muatkan lebih banyak pakaian. |
| | • Lantai tidak stabil cth. lantai kayu. => Rujuk perenggan berkenaan dalam bahagian “Pemasangan”. |
| **Masa kitaran lebih lama daripada yang dipaparkan:** | • Detergen melebihi dos. => Kurangkan kuantiti detergen atau gunakan yang lain. (Lihat halaman 53) |
| | • Mesin tidak seimbang. => Agihkan semula pakaian secara manual di dalam dram dam mulakan fasa putaran sekali lagi. |

Perkakas mengira masa yang baru mengikut beban pakaian.



| Malfungsi | Kemungkinan punca => Penyelesaian |
|---|---|
| **Kitaran ini adalah lebih pendek daripada masa yang dipaparkan.** | • Perkakas mengira masa yang baru mengikut beban pakaian. |
| **Putaran bermula lambat atau mesin tidak berputar:** | • Peranti pengesan ketidakseimbangan elektronik telah menyela kerana pakaian tidak diagihkan sama rata di dalam dram. Pakaian diagihkan semula melalui putaran balikan dram. Hal ini mungkin berlaku beberapa kali sebelum ketidakseimbangan hilang dan pemutaran normal dapat disambungkan semula. Jika, selepas 10 minit, pakaian masih belum diagihkan sama rata di dalam dram, mesin tidak akan berputar. Dalam kes sebegini, sebarkan semula muatan secara manual dan pilih program putar. => Jeda mesin dan agihkan semula pakaian secara manual. |
| **Mesin mengeluarkan bunyi pelik:** | • Mesin tidak dipasang dengan betul. => Pastikan peletakan aras perkakas adalah betul. Rujuk pada “Pemasangan”. |
| | • Bolt atau bungkusan transit tidak dikeluarkan. => Pastikan bungkusan dan/atau bolt transit dikeluarkan. Rujuk pada “Mengeluarkan”. |
| | • Muatan terlalu kecil. => Tambah lebih banyak pakaian ke dalam dram. |
| **Tiada air kelihatan di dalam dram:** | • Mesin yang berasaskan teknologi moden beroperasi secara sangat ekonomik dengan menggunakan jumlah air yang sangat sedikit tanpa menjejaskan prestasi. |

## **2** Membuka Pintu Mesin Semasa Kecemasan

Pada masa kecemasan apabila mesin mengalami kegagalan fungsi dan pintu dikunci. Mesin akan meneruskan program basuh apabila bekalan elektrik kembali. Jika pintu dikunci disebabkan oleh kegagalan fungsi mesin, pintu boleh dibuka dengan pembukaan pintu semasa kecemasan.

**Sebelum pintu dibukakan:**

**AMARAN!**

**Pastikan suhu air dan pakaian di dalam mesin tidak panas. Sila tunggu sehinnga suhu air dingin.**

**AMARAN!**

**Pastikan tab basuh tidak berputar. Tunggu sehinnga tab basuh berhenti.**

**AMARAN!**

**Pastikan paras air di dalam tab basuh tidak tinggi. Sila buatkan pengaliran air kecemasan. (rujuk kepada “Saliran Kecemasan” pada halaman 58)**

**Untuk membuka pintu semasa kecemasan, sila:**

1. Tekan butang “On/Off” untuk memadamkan mesin.
2. Cabutkan bekalan elektrik.
3. Buka pintu penapis.
4. Tarik suis pembukaan pintu kecemasan (objek merah) ke bawah dan pada masa yang sama, buka pintu mesin basuh.



5. Keluarkan pakaian.
6. Tutup pintu penapis.

Jika anda tidak dapat mengenal pasti atau menyelesaikan masalah, hubungi pusat perkhidmatan kami.

Sebelum menghubungi kami, catat model, nombor siri dan tarikh pembelian mesin anda: Pusat Perkhidmatan akan memerlukan maklumat ini.

